

Blog medan kembang bakat penulis muda

Dunia blogging memang diminati ramai orang di Malaysia. Mereka yang menceburi alam blog ini berpeluang mengembangkan bakat dalam pelbagai, antaranya bidang penulisan. Secara tidak langsung, ia dapat melahirkan remaja yang kreatif dalam menggunakan teknologi pada masa kini. Mereka boleh mencipta dan membentuk laman blog sendiri dengan menggunakan pelbagai aplikasi seperti Adobe Photoshop, Photocape dan sebagainya.

Nama-nama seperti Yuyu Zulaikha, Lyssa Faizureen, Fatin Liyana dan Benz Ashaari merupakan penulis muda blog yang terkenal di Malaysia.

Mereka juga menempa nama dengan menulis pelbagai cerita, novel serta cerpen, segmen, tips, pengalaman dan juga berkongsi pelbagai tutorial untuk menarik minat ramai pembaca terhadap blog mereka. Lebih menarik lagi, mereka juga akan menggunakan nama yang unik dan menarik untuk blog mereka. Sebagai contoh, Blog Cik Tom, Raksasa Cantik, Gincu Merah Jambu, Contentan Jalanan dan sebagainya.

Terdapat pelbagai blog

Menurut Wikipedia, sejarah blog bermula pada akhir tahun 2002, dan dipopularkan oleh Blogger.com kemudiannya Google.com yang dimiliki oleh Pyra Labs. Seperti yang kita tahu, terdapat pelbagai jenis blog yang kita boleh lihat. Antaranya ialah blog peribadi, blog politik, blog sastera, blog kesihatan, blog agama, blog media, blog perniagaan dan sebagainya.

Di samping itu, ada juga yang menjadikan blog sebagai satu hobi pada masa lapang ibarat diari kehidupan mereka. Mereka



Penulisan yang baik akan mendapat perhatian serta memberi manfaat kepada orang ramai.

[GAMBAR HIASAN]

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

akan menulis dan mencatat segala rutin harian pengalaman suka dan duka dalam blog. Beberapa blogger kini menjadikan blognya sebagai sumber pendapatan melalui program pengiklanan

seperti AdSense sehingga muncul sebagai blogger profesional kerana memperoleh pendapatan tinggi. Tambahan pula, ramai menggunakan blog untuk menjalankan perniagaan online.

Sebagai medium

Lebih menarik lagi, blog juga dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan dakwah. Mereka akan menulis tazkirah, nasihat, kisah nabi serta motivasi sebagai pembangkit semangat.

Antara contoh yang dapat kita lihat ialah blog yang bertajuk 'Sebarkan Bahagia' yang ditulis oleh pakar motivasi terkenal Fatimah Syarha. Blog beliau banyak menceritakan mengenai semangat, motivasi dan nasihat yang baik untuk kita jadikan sebagai panduan hidup. Blog seperti ini bagi kebanyakan pembaca akan menjadikannya sebagai sumber inspirasi.

Tanpa kita sedari, sebenarnya dengan menulis blog, kita juga dapat memberi ilmu kepada orang lain, malah penulis blog itu sendiri dapat menambah ilmu pengetahuan. Menurut hadis Rasulullah SAW di dalam sabdanya: "Sampaikan dariku walaupun sepotong ayat." Hadis ini mengingatkan kita supaya menyampaikan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan berkongsi kemanisan itu dengan orang lain. Walaupun dengan hanya sepele perkataan, mampu memberi kebahagiaan kepada seseorang.

Penulisan yang baik akan mendapat perhatian ramai serta memberi manfaat kepada orang ramai. Jadikan medium blog sebagai satu medan ilmu untuk dikongsi bersama.

Nadilah Abdul Rahim,
Universiti Sains Islam Malaysia